



## Memahami kepentingan **temu duga**

**T**emu duga ialah komunikasi calon dengan bakal majikan yang sangat penting dan perlu diberi perhatian serius kerana kejayaan untuk mendapat pekerjaan amat bergantung pada proses itu.

Selain kelayakan akademik dan pengalaman kerja yang diperlukan, persembahan calon ketika temu duga amat diberi perhatian oleh penemu duga.

Apabila dipanggil untuk ditemu duga, seakan sebelah kaki calon berada dalam organisasi dan memerlukan sebelah lagi untuk berjaya memperoleh pekerjaan, iaitu lulus temu duga.

Oleh itu, persediaan rapi sangat perlu agar ini tidak menjadi batu penghalang kepada hasrat dan cita-cita calon.

Persediaan bukan hanya menitikberatkan aspek sebelum ke sesi temu duga, tetapi harus mengetahui aspek semasa dan selepas temu duga.

Lazimnya, tugas itu dirasakan amat berat untuk dihadapi. Perasaan takut, bimbang serta pelbagai perasaan lagi mungkin menjelma dalam diri calon sehinggalah tidak dapat melupakan mata kerana terlalu memikirkan tentang temu duga yang bakal menjelang.

Pencapaian cemerlang dalam akademik bukan penentu untuk lulus temu duga. Terdapat calon

yang cemerlang dalam akademik, tetapi tidak berjaya mendapatkan pekerjaan akibat kegagalan ketika ditemu duga.

Ramai yang ditawarkan pekerjaan kerana berjaya meyakinkan penemu duga walaupun kelulusan akademik mereka tidak sehebat mana.

Begitulah besarnya peranan dan pengaruh temu duga. Yang penting di sini ialah diri calon. Jika inginkan pekerjaan itu, calon perlu lakukan dengan sebaik mungkin semasa ditemu duga.

Ingatlah, ketika ditemu duga tidak ada orang lain yang boleh membantu, kecuali diri sendiri. Di sinilah beberapa kriteria dan faktor yang perlu ada pada diri calon yang dapat membantu dalam temu duga dan seterusnya mendapat kerja yang diidamkan.

Menurut Mohamed Yusoff (2007), pencapaian akademik yang cemerlang bukanlah satu-satunya kriteria yang wajib, tetapi majikan akan memilih calon yang mempunyai perwa-

takan yang menunjukkan kematangan berfikir, daya analisis yang tinggi, mudah bergaul, peramah, senang berkawan serta boleh bekerja secara berpasukan.

Kriteria seperti ini tidak tergambar pada sijil atau ijazah melainkan ketika ditemuduga atau setelah menjalani ujian personaliti, kecedasan berfikir dan ketepatan cara bertindak.

### **Cara Temu duga**

Temu duga pekerjaan boleh ditakrifkan sebagai perbualan dua haluan antara penemu duga dengan pemohon kerja untuk bertukar-tukar maklumat dan menilai kesesuaian pemohon bagi sesuatu jawatan (June 1994).

Menurut Maimunah (2000), temu duga bertujuan menilai kemahiran berkomunikasi, meneroka latar belakang calon sama ada pengalaman dan pengetahuannya mampu melakukan tugas dengan baik serta melihat personaliti calon untuk disesuaikan dengan kerja yang ditawarkan.

Temu duga juga untuk memeriksa benar atau tidak maklumat yang sedia ada dalam borang permohonan atau resume dan memperoleh maklumat tambahan mengenai calon.

Sesi temu duga diadakan dalam beberapa cara iaitu secara lisan atau bertulis atau keduanya.

### **Temu duga lisan**

Cara ini sering dilakukan oleh sektor awam dan pihak swasta. Temu duga secara bersemuka ini memudahkan majikan menilai calon secara terus. Cara ini membolehkan majikan membuat keputusan memilih atau menolak calon.

Calon harus menunjukkan keupayaan sebenar kerana penentu kejayaan mendapat pekerjaan lazimnya bergantung pada sesi temu duga.

Temu duga lisan boleh diadakan dalam beberapa cara iaitu:

**1** Sesi temu duga dikendalikan oleh seorang penemu duga.

Penemu duga akan menyoal dan berinteraksi dengan seorang calon pada satu-satu masa.

**2** Sesi dikendalikan oleh lebih daripada seorang atau beberapa penemu duga yang perlu dihadapi calon.

**3** Terdapat proses temu duga dijalankan secara perbincangan kumpulan. Beberapa calon akan diletakkan dalam satu kumpulan untuk ditemu duga. Lazimnya, calon akan diminta membincangkan sesuatu topik yang diberikan oleh penemu duga.

**4** Temu duga dijalankan secara bersiri dengan calon melalui beberapa sesi temu duga dengan setiap kali bersama penemu duga berlainan.

Walau apapun bentuk temu duga yang dijalankan, ini bertujuan menilai calon dari segi personaliti, komunikasi interpersonal dan keupayaan memberi buah fikiran serta pengetahuan mengenai kerja yang dipohon.

### **Temu duga bertulis**

Cara ini turut dibuat dalam memilih calon untuk mengisi jawatan yang ditawarkan oleh majikan sektor awam atau swasta.

Selalunya ujian itu bertujuan menguji kecerdasan, minda dan personaliti serta pengetahuan am calon.